

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

USUL2 AHLI UMNO MAKIN TAMBAH MATANG

KUALA LUMPUR,
Rabu — Jawatankuasa Penapis Usul yang bermesyuarat semalam menerima 1,110 usul dari Cawangan dan Bahagian Umno seluruh negara untuk dibincangkan dalam Perhimpunan Agung pada 19 Ogos ini.

Naib Presiden Umno, Encik Ghafar Baba selaku Pengerusi Penapis Usul memberitahu, Jawatankuasa itu akan mengesyorkan kepada Majlis Tertinggi Umno yang bersidang Sabtu ini supaya tiga usul sahaja dibahaskan.

Tiga usul itu ialah usul ucapan terima kasih terhadap Ucapan Presiden, Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan membawa usul mengenai tanah dan Wanita pula mengenai usul pelajaran.

Beliau menerangkan, kira-kira 50 usul ditolak sementara yang lain diterima tanpa bahas.

Katanya, usul yang diterima kali ini lebih bermutu jika dibanding dengan tahun lalu.

"Banyak masalah nasional ditimbulkan yang banyak menimbulkan masalah tempatan," ujarnya.

Babas

Encik Ghafar berkata, di samping itu usul-usul yang diterima banyak menyentuh tentang pelajaran.

Katanya, ini satu kesedaran baru kepada ahli-ahli Umno menyentuh pelajaran dan pentingnya pelajaran dalam mengejar kemajuan dunia sekarang ini.

Beliau berpendapat usul-usul yang diterima ini membuktikan kematangan ahli-ahli Umno diperingkat Bahagian dan Cawangan.

Mengenai usul yang dibahaskan beliau berkata, usul ucapan terima kasih kepada Presiden adalah usul bebas dan para perwakilan boleh menyentuh semua isu yang berbangkit.

Mengenai usul tanah yang dibawah Pergerakan Pemuda Umno beliau menyatakan usul itu amat penting kerana ia menjadi satu isu nasional.